

P.U. (A) 28.

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

**PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PREMIUM TAHUNAN DAN
PREMIUM PERTAMA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 47(1), 48(2) dan 48(3) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Menteri, atas syor Perbadanan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama Berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011.

Kadar premium tahunan sistem premium berbeza

2. (1) Tertakluk kepada perenggan 3 dan apabila kategori premium yang dalamnya suatu anggota penerima deposit dikelaskan bagi suatu tahun taksiran menurut Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [*P.U. (A) 34*], sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, kadar premium tahunan yang kena dibayar oleh anggota penerima deposit itu bagi tahun taksiran itu adalah kadar premium yang dinyatakan bersetentangan dengannya dalam Jadual Pertama.

(2) Jika suatu anggota penerima deposit dikelaskan dalam kategori premium yang berlainan berkenaan dengan deposit Islam diinsuranskan dan deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium tahunan yang kena dibayar bagi deposit itu adalah kadar premium bagi kategori premium deposit itu masing-masing.

Amaun minimum premium tahunan

3. Premium tahunan yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran oleh suatu anggota penerima deposit yang dikelaskan bagi tahun taksiran itu dalam kategori premium yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua hendaklah tidak kurang daripada amaun minimum yang dinyatakan bersetentangan dengannya dalam Jadual Kedua.

Kadar premium pertama

4. Tertakluk kepada subseksyen 47(1) Akta dan berkenaan dengan suatu anggota penerima deposit baru sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011, yang memegang deposit Islam diinsuranskan atau deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium pertama anggota penerima deposit itu hendaklah sama dengan kadar premium bagi kategori premium 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

Pembatalan

5. Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama) 2008 [*P.U. (A) 145/2008*] adalah dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 2]

<i>Kategori premium</i>	<i>Kadar premium</i>
(1)	(2)
1	0.03%
2	0.06%
3	0.12%
4	0.24%

JADUAL KEDUA
[Perenggan 3]

<i>Kategori premium</i>	<i>Amaun minimum premium tahunan</i>
(1)	(2)
1	RM100,000
2	RM200,000
3	RM400,000
4	RM800,000

Dibuat 21 Januari 2011
[PIDM/PN/3/2011; PN(PU²)689]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (ANNUAL PREMIUM AND FIRST
PREMIUM IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by subsections 47(1), 48(2) and 48(3) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Minister, on the recommendation of the Corporation, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Annual Premium and First Premium in Respect of Deposit-Taking Members) Order 2011**.

(2) This Order shall have effect from the assessment year of 2011.

Rate for annual premium of differential premium systems

2. (1) Subject to paragraph 3 and where the premium category in which a deposit-taking member is classified for an assessment year pursuant to the Malaysia Deposit Insurance Corporation (Differential Premium Systems in respect of Deposit-Taking Members) Regulations 2011 [*P.U. (A) 34*], is as specified in the First Schedule, the rate for the annual premium payable by such deposit-taking member for that assessment year shall be the corresponding premium rate specified in the First Schedule.

(2) Where a deposit-taking member is classified in different premium categories with respect to its Islamic insured deposits and its conventional insured deposits, the rates for the annual premiums payable on such deposits shall be the premium rates of the respective premium categories of such deposits.

Minimum amount of annual premium

3. The annual premium payable for an assessment year by a deposit-taking member classified for that assessment year in the premium category as specified in the Second Schedule shall not be lower than the corresponding minimum amount specified in the Second Schedule.

Rate for first premium

4. Subject to subsection 47(1) of the Act and in respect of a new deposit-taking member as defined in regulation 2 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation (Differential Premium Systems in respect of Deposit-Taking Members) Regulations 2011, holding Islamic insured deposits or conventional insured deposits, the rate for the first premium for such new deposit-taking member shall be the same as the premium rate for premium category 1 as specified in paragraph 2.

Revocation

5. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Annual Premium and First Premium) Order 2008 [*P.U. (A) 145/2008*] is revoked.

FIRST SCHEDULE

[Paragraph 2]

<i>Premium Category</i>	<i>Premium Rate</i>
(1)	(2)
1	0.03%
2	0.06%
3	0.12%
4	0.24%

SECOND SCHEDULE

[Paragraph 3]

<i>Premium Category</i>	<i>Minimum Annual Premium Amount</i>
(1)	(2)
1	RM100,000
2	RM200,000
3	RM400,000
4	RM800,000

Made 21 January 2011
[PIDM/PN/3/2011; PN(PU²)689]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance